



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI LHDNM 2018

Cyberjaya, 1 November 2018 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terus menyemarakkan budaya inovasi dan amalan nilai integriti dalam kalangan warga kerjanya menerusi Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM 2018 yang berlangsung dalam suasana yang cukup meriah di Menara Hasil Cyberjaya pada hari ini. Majlis yang disambut secara tahunan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan dan turut dihadiri oleh Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM.

Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah dalam ucapan perasmiaannya berkata, elemen inovasi dan integriti cukup penting diamalkan dalam sesebuah agensi seperti LHDNM yang terlibat dengan urusan kutipan hasil kerajaan. Melalui penerapan nilai inovasi dan integriti, LHDNM akan dilihat lebih mempunyai kredibiliti yang pastinya akan menambah keyakinan rakyat serta membantu meningkatkan kadar pematuhan cukai di Malaysia.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Dato' Sri Sabin Samitah dalam ucapannya pula menegaskan bahawa LHDNM akan terus menzahirkan komitmen dan menyokong setiap perancangan kerajaan melalui perlaksanaan peranannya sebagai ejen kutipan hasil dan penguatkuasaan undang-undang percukaian. Inovasi dan integriti akan terus dibudayakan di LHDNM bagi memastikan reputasi LHDNM amnya dan kerajaan khususnya sentiasa dipandang tinggi oleh rakyat.

Menurut beliau lagi, selain menyuburkan amalan inovasi, LHDNM juga merupakan agensi kerajaan yang sentiasa berpegang dengan nilai-nilai moral dan integriti yang tinggi dalam menjalankan fungsinya dan kesepaduan yang terjalin ini telah memacu prestasi kutipan cukai langsung negara yang kekal menjadi penyumbang utama hasil negara sehingga kini sekaligus berupaya membantu negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti 2018 pada kali ini menyaksikan pelancaran **Sistem Integrasi Rems dan IGFMAS (e-SIRi)** dan penyerahan **Memorandum Persefahaman Perkongsian Maklumat antara Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**. Sistem e-SIRi membolehkan LHDNM membuat pelaporan kutipan cukai kepada JANM secara dalam talian dan tidak lagi secara manual seperti sebelum ini. Penambahbaikan proses kerja ini akan membantu LHDNM dan JANM menjimatkan masa pengumpulan data kutipan cukai serta mengurangkan kesilapan dalam kemasukan data secara manual.

Memorandum Persefahaman Perkongsian Maklumat yang ditandatangani pula membolehkan LHDNM dan JANM berkongsi maklumat sebagai inisiatif meningkatkan kecekapan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Maklumat tertentu yang dikongsi oleh LHDNM akan membantu JANM membuat padanan yang tepat dengan Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD) dan seterusnya mempercepatkan penyelesaian kes wang tak dituntut dalam kalangan syarikat serta perniagaan.

Majlis yang disiarkan secara langsung dan boleh ditonton oleh semua warga kerja LHDNM ini juga turut diserikan dengan penganjuran mini karnival yang berlangsung

selama 2 hari serta penyampaian hadiah kemenangan kepada pemenang-pemenang pertandingan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM 2018 seperti yang berikut:

Jadual 1 : Senarai Pemenang Pertandingan Hari Inovasi LHDNM 2018

Anugerah Inovasi CEO (AICEO) LHDNM 2018		
Bil.	NAMA	HADIAH
1	Kumpulan SKAP Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB) Projek : TURAS – Toleransi, Unggul, Relevan, Akauntabiliti, Sinergi)	Wang Tunai Piala Sijil Penghargaan
2	Kumpulan PUSSEL Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB) Projek : PACE – Proses Audit Cukai Efektif	
Anugerah Khas AICEO LHDNM 2018		
Bil.	NAMA	HADIAH
3	Asmunir Dahalan Pejabat Pengarah Negeri Pulau Pinang Projek : ADA 1.0 – Analitik Data Aplikasi 1.0	Piala Sijil Penghargaan
PEMENANG PERTANDINGAN IDEA@HASIL 2018		
Bil.	NAMA	HADIAH
4	Farah Athirah Ayob Cawangan Klang Idea : Pengambilan Sukarelawan Belia dari Universiti Awam bagi program meja bantuan pengisian Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui sistem dalam talian (e-Filing).	
5	Nurul Annisa Ahmad Cawangan Tawau	

	Idea : Bayaran cukai melalui mesin Electronic Data Capture.	Wang Tunai Sijil Penghargaan
6	Mohd Rosnizam Mohd Deris Jabatan Pungutan Hasil Idea : Pelepasan/elaun/insentif khas cukai pendapatan sebagai suatu mekanisme galakan pematuhan undang-undang cukai secara sukarela.	
7	Muhammad Najib Abd Razak Cawangan Duta (Penggajian) Idea : Sistem Rating Pembayar Cukai & Ejen Cukai.	
8	Mohd Hazman Fitri Hussin Wan Muhammad Al-Amin Wan Din Norasshanelor Mohd Aziz Siti Noraezzah Yusof Mohd Fairuz Salamat Assalmaria Ahmad Sayuti Cawangan Bangi Idea : Enigma Hasil	
PEMENANG PERTANDINGAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) LHDNM 2018		
Kategori Jabatan		
Bil.	NAMA	HADIAH
9	Jabatan Logistik Korporat (Johan)	Wang Tunai Sijil Penghargaan
10	Jabatan Undang-Undang (Naib Johan)	
11	Jabatan Percukaian Antarabangsa (Ke-3)	
Kategori Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/PKH/UTC		
12	Cawangan Sandakan (Johan)	Wang Tunai Sijil Penghargaan
13	PKH Petaling (Naib Johan)	
14	Cawangan Miri (Ke-3)	

PEMENANG PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN SLOGAN INOVASI & INTEGRITI LHDNM 2018		
Bil.	NAMA	HADIAH
15	Muhammad Ijlal Ikhwan Abdul Latip Cawangan Wangsa Maju	Wang Tunai Piala Sijil Penghargaan
PEMENANG PERTANDINGAN MEMBERI NAMA & MENCIPTA 'WIDGET' BAGI SISTEM 'LIVECHAT' LHDNM		
Bil.	NAMA	HADIAH
16	Muhammad Hafizi Rashid Cawangan Klang	Wang Tunai Piala Sijil Penghargaan
PEMENANG PERTANDINGAN KEMBARA INOVASI HASIL (KIH) 2018		
Bil.	NAMA	HADIAH
17	Kumpulan BLANK (Johan) Jabatan Teknologi Maklumat	Wang Tunai Sijil Penghargaan
18	Kumpulan ENAM TUJUH (Naib Johan) Jabatan Teknologi Maklumat	
19	Kumpulan APA-APA JE (Ke-3) Gabungan Jabatan Percukaian Antarabangsa, Jabatan Audit Dalam & Cawangan Wangsa Maju	
PEMENANG PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK KESEDARAN CUKAI		
Bil.	NAMA	HADIAH
20	Kumpulan The Balloons 2.0 (Johan) Cawangan Bintulu	Wang Tunai Piala Sijil Penyertaan
21	Kumpulan Buddies Production (Naib Johan) Hasil Careline, Jabatan Khidmat Korporat	
22	Kumpulan The Backwards (Ke-3) Cawangan Johor Bahru	

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 November 2018.



Gambar 1 : YB Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia Menyampaikan Ucapan Perasmian.



Gambar 2 : YB Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah Menyempurnakan Sesi Perasmian Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM 2018.



Gambar 3 : YB Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah Bersama-Sama Dengan Pengurusan Tertinggi LHDNM & Warga Kerja LHDNM.